

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

SOALAN

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan (No.Tender:MOT/TB/1/2021) akan dilancarkan kepada umum. Nyatakan tindakan/ rancangan Kerajaan untuk menaik taraf lapangan terbang yang melebihi 100% kadar penggunaan seperti Lapangan Terbang Subang (SZB), PulauPinang (PEN), Senai (JHB), KLIA1 (KUL-T1), Kuching (KCH), Miri (MYY), Tawau (TWU) dan lain-lain yang dinyatakan dalam kertas kedudukan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia pada Disember-2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) sedang dimuktamadkan dan dijangka boleh dimaklumkan pada awal tahun 2025.

2. Kementerian Pengangkutan (MOT) dan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedia maklum bahawa terdapat beberapa lapangan terbang yang telah mencatatkan jumlah pengendalian penumpang melebihi kapasiti reka bentuk semasa tempoh pra-Covid19 iaitu pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh pandemik Covid-19, jumlah pengendalian penumpang di lapangan-lapangan terbang berkenaan telah mencatatkan penurunan yang drastik. Walaupun kini ia telah menunjukkan trend pemulihan yang positif, namun masih belum mencapai tahap tempoh pra-Covid19 iaitu pada tahun 2019.

3. Namun begitu, MOT dengan kerjasama MAHB telah memulakan tindakan/ rancangan untuk menaik taraf beberapa buah lapangan terbang secara berperingkat sebagai persediaan menangani peningkatan jumlah penumpang pada masa akan datang. Antara projek-projek yang akan dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) **Projek naik taraf dan pembesaran terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) Kota Bharu daripada 1.5 mppa (*million passenger per anum*) kepada 4.0 mppa.**
 - Projek kini dalam Fasa Kedua pembinaan yang antara lain melibatkan pembinaan *passenger boarding bridge*, parkir bertingkat, parkir terbuka dan kompleks VVIP.
- (ii) **Projek naik taraf dan pembesaran terminal Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang yang merangkumi 4 fasa pembangunan melibatkan pertambahan 1.5 mppa (*million passenger per anum*) kepada 8.0 mppa;**

– Pembangunan infra bagi fasa interim projek naik taraf dan pembesaran terminal LTSAAS telah selesai pada 30 Jun 2024. Operasi penerbangan jet pertama akan bermula pada awal bulan Ogos 2024.

(iii) Projek naik taraf dan pembesaran terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang daripada 6.5 mppa kepada 12.0 mppa:

- Projek kini sedang dalam proses penilaian tender. Keputusan penilaian tender dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Julai 2024.

(iv) Projek naik taraf dan pembesaran terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching daripada 5.0 mppa kepada 7.7 mppa:

– Cadangan projek telah dibentangkan kepada Kementerian Ekonomi (KE) untuk pertimbangan Kerajaan di bawah RP5 RMK-12.

(v) Projek naik taraf dan pembesaran terminal Lapangan Terbang Miri daripada 2.0 mppa kepada 4.0 mppa:

– Cadangan projek telah dibentangkan kepada Kementerian Ekonomi (KE) untuk pertimbangan Kerajaan di bawah RP5 RMK-12.

(vi) Projek naik taraf dan pembesaran terminal Lapangan Terbang Tawau daripada 1.5 mppa kepada 2.5 mppa:

– Projek kini sedang dalam peringkat penyediaan dokumen tender yang dijangka selesai pada bulan Julai 2024.

Sekian, terima kasih.